

LEMBAGA TABUNG HAJI

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-30 MUSIM HAJI 1435 HIJRAH

22-25 Rabiul Awwal 1435H bersamaan
24-27 Januari 2014M

Tempat: TH Hotel & Convention Centre Terengganu

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : JEMAAH HAJI PENCETUS *KHAIR UMMAH* DALAM MASYARAKAT

1. Jemaah haji perlu berusaha untuk mendapat haji mabrur dan istiqamah terhadap penghayatan, pengamalan, akhlak, budaya dan cara hidup selepas haji untuk melahirkan modal insan yang rabbani, holistik dan berpegang teguh dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini kerana jemaah haji merupakan ejen perubahan ummah yang mampu membentuk *Baldatun Toiyyibatun Wa Rabbun Ghafur* berpandukan *Maqasid al-Syariah*.
2. Ibadah menunaikan haji ini bukan sekadar untuk pembaikan diri malah untuk pembangunan masyarakat sekelilingnya. Adalah diharapkan semoga generasi jemaah haji sekembali dari Tanah Suci menjadi mereka yang *soleh wa musleh*.

KERTAS KERJA KEDUA

TAJUK: PERMASALAHAN IBADAT HAJI PADA MUSIM HAJI 1434 HIJRAH

1. **PENENTUAN *MUWALAT* BAGI JEMAAH HAJI *DA'IMUL HADATH***
 - i. Penentuan tempoh masa *muwalat* adalah berdasarkan *'uruf* semasa dengan mengambil kira lokasi Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH).
 - ii. Tempoh *muwalat* selepas berwuduk sehingga sampai ke dataran masjid mengikut *'uruf* semasa dianggarkan selama 15 minit. Jika tempoh

perjalanan melebihi 15 minit maka terputus *muwalat*. Oleh itu, jemaah wajib bersuci dan mengambil wuduk semula di masjid sebelum menyempurnakan ibadat berkaitan.

- iii. Jemaah yang mengalami *da'imul hadath* digalakkan berwuduk di masjid.

2. PEMAKAIAN PAYUNG DAN LAMPU SULUH YANG DISARUNG DI KEPALA

- i. Pemakaian payung atau lampu suluh jenis menyalung dan melekap di kepala termasuk dalam kategori larangan ihram. Larangan ini terpakai kepada jemaah haji lelaki sahaja. 'Illahnya kerana perbuatan ini dikira menutup sebahagian kepala.
- ii. Larangan ini akan terpakai kepada jemaah haji wanita sekiranya menutup sebahagian daripada muka.

3. MELAKUKAN TRANSAKSI JUAL BELI SELEPAS TAWAF WADA'

- i. Tindakan jemaah yang mewakilkan seseorang untuk membeli barangan bukan keperluan perjalanan dan pembelian tersebut berlaku semasa jemaah masih berada di Makkah akan menyebabkan Tawaf Wada'nya terbatal.
- ii. Jika perbuatan pembelian tersebut dilakukan setelah bas bergerak maka tidak batal Tawaf Wada'.

4. SYAHWAT YANG BOLEH MEMBATALKAN WUDUK (sentuhan tanpa berlapik)

- i. Tahap syahwat yang boleh membatalkan wuduk atau dikenakan dam ketika di dalam ihram adalah:-
 - a. dalam keadaan bersyahwat serta berlaku kembang (intisyar) pada kemaluan maka wuduknya batal dan jika berada di dalam ihram

hukumnya berdosa serta dikenakan dam (lelaki sahaja dikenakan dam)

- b. dalam keadaan syahwat yang berkeinginan tetapi tidak berlaku intisyar maka wuduknya tetap batal dan jika berada di dalam ihram hukumnya berdosa serta dikenakan dam (lelaki sahaja dikenakan dam).

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK : JAHIL DAN TERLUPA DALAM KONTEKS IBADAT HAJI DAN DAM

- i. Menurut pandangan ulama', kejahilan yang dimaafkan ialah kejahilan yang tidak berpunca daripada kecuaiian. Kejahilan yang berpunca daripada kecuaiian tetap dikenakan dam dan berdosa menurut syarat-syaratnya.
- ii. Penentuan tahap jemaah haji sama ada termasuk dalam kategori jahil atau tidak jahil perlu diberi penelitian oleh pengkursus ibadat haji dengan penuh bertanggungjawab. Jemaah haji yang tidak memahami hukum-hakam dalam ibadat haji maka mereka juga boleh dikategorikan sebagai jahil bukannya kategori cuai. Termasuk juga jemaah haji yang sudah hadir dalam kursus haji.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK: BERMABIT DI MINA: FADHILAT DAN PELBAGAI HUKUM

Para pengkursus ibadat haji perlu mengingatkan jemaah haji agar menyempurnakan mabit di Mina melebihi separuh malam mengikut pendapat yang muktamad dan meninggalkan sebarang bentuk helah supaya memperolehi ibadat haji yang sempurna. Golongan yang dikecualikan daripada bermabit di Mina adalah:-

1. Orang yang takut dirinya mendapat bahaya

2. Orang yang takutkan anggota tubuh badannya diapa-apakan atau kehormatan dirinya dicabuli
3. Orang yang takutkan kehilangan atau kebinasaan harta bendanya atau harta benda orang lain yang diamanahkan kepadanya walaupun sedikit
4. Orang yang mencari pekerjaanya yang lari
5. Orang yang mencari orang yang sesat atau hilang
6. Orang yang sakit sukar baginya untuk bermabit
7. Orang yang menjaga atau orang yang menemani orang yang sakit (dokter, jururawat, suami atau isteri)
8. Orang yang tiada tempat untuk bermabit kerana kawasan Mina telah penuh sesak dan padat dengan jemaah haji bermalam

KERTAS KERJA KELIMA

TAJUK : MENYANTUNI GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SEBAGAI *DHUYUF AL-RAHMAN* : HUKUM HAJI GOLONGAN PEKAK, BISU DAN BUTA

- i. Golongan OKU, walaupun memiliki kekurangan dan kelemahan tertentu, mereka juga dianugerahkan Allah SWT keistimewaan dan kekuatan. Justeru, mereka mempunyai hak untuk disantuni berdasarkan prinsip *al-karamah al-insaniah*.
- ii. Mereka yang terlibat dengan pendidikan/ pengajaran OKU digalakkan supaya memainkan peranan dengan memahami ilmu ibadat haji.
- iii. Tanggungjawab ibadat, termasuk ibadat haji bagi orang pekak adalah sama seperti orang yang sempurna pendengaran, begitu juga dengan orang bisu adalah sama seperti orang yang mampu bertutur.
- iv. Orang buta wajib menunaikan haji sekiranya dia berkemampuan mengerjakan haji dan mampu menyediakan pengiring (قائد) berdasarkan pandangan Jumahur fuqaha' selain Hanafi.